

Headline	Frim, UiTM pelihara spesies terancam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,911



Frim, UiTM pelihara spesies terancam

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) menandatangani perjanjian dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak untuk meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan, pembangunan, pemuliharaan dan pengurusan biodiversiti serta habitat spesies terancam.

Perjanjian itu akan memanfaatkan kepentingan bersama kedua-dua pihak dan menyumbang ke arah pemuliharaan spesies terancam dan habitat semula jadi mereka di dalam negara ini.

Langkah ini akan meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) melalui kepelbagaian flora dan fauna serta pemuliharaan; pengurusan pemuliharaan habitat dan spesies tumbuhan terancam; pemindahan teknologi; peningkatan kapasiti sumber manusia melalui program latihan dan pendidikan; serta aktiviti-aktiviti kesedaran awam.

Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod yang mewakili Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) telah menandatangani perjanjian tersebut manakala UiTM diwakili oleh Rektor UiTM (Perak), Prof Ir Dr Zainab Mohamad.

Perjanjian ini juga telah memeterai usaha pemuliharaan yang dimulakan pada 2006 dengan penemuan lima spesies dipterokarpa terancam iaitu *Dipterocarpus semivestitus* (keruing padi),

Hopea apiculata (resak melukut), *Shorea macrantha* (meranti kepong hantu), *Shore hemsleyana* (cengal pasir daun besar) dan *Vatica flavida* (resak padi), dalam hutan paya air tawar di UiTM Perak.

Barisan penyelidik Frim yang membuat penemuan tersebut telah mengemukakan satu pelan tindakan untuk pertimbangan UiTM itu pada 2009. Pada 2006, penyelidik FRIM menjalankan pemantauan berterusan daripada segi ekologi dan kesihatan pokok-pokok tersebut.

Sejak penemuan itu, UiTM Perak

telah mengambil langkah untuk melindungi populasi spesies itu termasuk melindungi habitat semula jadi.

"Melindungi habitat spesies adalah aspek yang paling kritikal dalam pemuliharaan spesies. Kami amat menghargai respons positif UiTM yang mengkaji semula pelan pembangunan induk dan mengambil kira elemen penyelidikan dalam program pemuliharaannya," kata Abd Latif.

- **SUMBER PORTAL FRIM**



Headline	Frim, UiTM pelihara spesies terancam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,911



Abd Latif (lima, kanan), Zainab (empat, kiri) dan tetamu lain meninjau sebatang pokok terancam yang dikenalpasti di kampus UiTM Perak.